


بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

HSI310 – SEJARAH DUNIA ISLAM

Al-Qur'an telah memperkenalkan konsep-konsep moral seperti 'ibrah, qaşaş dan dhizkr dalam dunia pensejarahan Arab pada era zaman Madinah. Telitian sama ada konsep-konsep baharu ini telah mencemarkan prinsip objektiviti dalam karya sejarah.



NAMA PENSYARAH: PROFESOR MADYA DR. HASRUL BIN ZAKARIAH

# Para Pembentang



Nur Faizah Ilmiah Binti  
Ramlie (145998)



Nur Najihah Shafie  
(147315)



Puteri Nurshazana Binti  
Mohammad Faizan  
(146567)



Nurul Iffah Binti  
Kamaruzaman  
(142325)



Bellnita Binti Ubil  
(145778)



Amisya Binti Ismail  
(145602)



Ellya Maisarah  
Binti Shafiee (147900)



Nur Afiqah Binti Wan  
Mazlan  
(148798)



Natasha A/P Chatri  
(145777)



Zulhanieyza Hanim  
bt Zulkifli  
(148779)

# Pengenalan

- Kedatangan Islam telah membawa perubahan dari segi falafah dan kedudukan disiplin sejarah dalam dunia pensejarahan Arab pada era zaman Madinah.
- Al-Quran telah memperkenalkan beberapa konsep moral yang berkait secara langsung dengan disiplin sejarah. Antaranya ialah 'ibrah (pengajaran), qaşaş (penceritaan) dan dhizkr (peringatan).
- Objektiviti merupakan konsep penting dalam penyelidikan sains sosial dan bertitik tolak daripada pandangan sarjana beraliran positivisme yang melihat penyelidikan sebagai suatu yang perlu bersifat bebas nilai.
- Objektiviti dikaitkan dengan membebaskan diri daripada segala bentuk nilai termasuk dogma agar penyelidikan mencapai tahap kebenaran yang mutlak menurut fahaman Barat.



# Pengenalan

- Persoalannya, adakah konsep-konsep moral iaitu 'ibrah, qaşaş dan dhizkr telah mencemarkan prinsip objektiviti dalam karya sejarah?



Kami **tidak bersetuju** bahawa konsep-konsep moral tersebut telah mencemarkan prinsip objektiviti dalam karya sejarah.

- Objektiviti dari perspektif Barat adalah bersifat empirik sahaja yang menjadikan penyelidik menafikan kewujudan Tuhan dan nilai agama. Berbeza dengan objektiviti dari perspektif Islam, adalah mencapai kebenaran yang tertinggi iaitu hakikat kebenaran Tuhan yang Esa. Objektiviti yang diperoleh melalui kajian saintifik tidak akan mencapai kebenaran yang mutlak kerana kebenaran yang mutlak (absolute truth) hanyalah di bawah pengetahuan Tuhan.



# ZAMAN PRA ISLAM

- Sebelum kedatangan Islam, masyarakat arab tidak mempunyai penulisan sejarah yang sistematik. walaupun pada zaman itu banyak budaya persuratan tamadun mesopotamia dan mesir kuno sejak 3500 sebelum masihi. Mereka tidak terpengaruh kerana lokasi penempatan masyarakat arab pada waktu itu terpencil di padang pasir dan terpisah dengan dunia luar.
- Pada zaman pra Islam, masyarakat arab hanya menggunakan tradisi lisan sahaja untuk merakam peristiwa-peristiwa sejarah.
- Antara contoh tradisi rakaman lisan yang terkenal adalah tentang peristiwa perang antara kabilah atau disebut sebagai Ayyam al-'Arab. Peristiwa ini disampaikan oleh narator profesional atau rawi kepada satu generasi ke satuh generasi.

# ZAMAN PRA ISLAM

- Antara salah satu naratif lisan yang terkenal adalah Harb al-Basus. Harb al-Basus menceritakan tentang konflik yang berlaku antara dua kabilah yang tinggal di padang pasir iaitu Banu Taghib dengan kabilah Banu Bakr. Kisah-kisah ini diceritakan secara lisan dan turun temurun dari satu generasi ke satu generasi sebagai hiburan dan juga untuk mewujudkan kebanggaan sesuatu kabilah.
- Terdapat juga historiografi nasab yang sangat popular sebelum kedatangan Islam. Hal ini demikian kerana, masyarakat arab pada ketika itu amat mementingkan sejarah keluarga dan keturunan.
- Bukan itu sahaja, tradisi puisi juga terkenal sejak kurun ke 5 masihi. Puisi ini menjadi antara sumber yang penting dalam menceritakan sejarah masyarakat arab sebelum kedatangan Islam. Contoh puisi dalam bentuk shi'r (syair), qasidah, hija (satira), saj'(prosa berirama) dan ghazal (puisi cinta). Dengan adanya puisi-puisi ini iaannya boleh dianggap sebagai memori yang dirakam oleh masyarakat arab dan juga budaya komuniti Badwi serta menjadi rujukan penting dalam penulisan sejarah Islam.
- Setelah kedatangan Islam banyak perubahan yang dibawa kepada masyarakat arab. Di mana, Al-Qur'an dan Hadith dijadikan sebagai sumber utama dalam penulisan sejarah.

# Pensejarahan Islam di Madinah.

- Kedatangan Islam telah membawa perubahan yang sangat besar terhadap pensejarahan Arab kerana wujudnya Al-Quran.
- Al-Quran merupakan sumber paling penting dalam penulisan sejarah awal Islam dan ia bermula di Madinah.
- Sehingga awal kurun ke-9 Masihi, penulisan sejarah telah tertumpu di Madinah dan pensejarahan Islam mencapai kemuncak kestabilannya.
- Isu-isu objektiviti dan kebenaran sejarah (*historical truth*) telah dimulai oleh ahli sejarah Islam sejak kurun ke-7 Masihi lagi sebelum diteruskan oleh ahli Barat.
- Tidak dapat dinafikan, Al-Quran telah memberi pengaruh yang sangat kuat terhadap perkembangan pensejarahan Islam.
- Wujud konsep-konsep baru yang memantapkan lagi disiplin sejarah sebagai satu disiplin ilmu yang tersendiri, berobjektif dan saintifik.



# Pensejarahan Islam di Madinah



- Terdapat ahli-ahli sejarah yang memainkan peranan penting dalam dunia pensejarahan Islam di Madinah.
- Antara ahli sejarah yang terkenal pada masa itu adalah 'Urwa bin Al-Zubayr iaitu sepupu Rasulullah.
- Beliau merekodkan sendiri peristiwa sejarah pada zaman Madinah dan mendapatkan sumber secara terus daripada Saidatina Aisyah (isteri Rasulullah).
- Beliau juga merupakan orang pertama yang mengasaskan disiplin sejarah sebagai disiplin yang tersendiri.

Contohnya:

- Aban Bin Uthman.
- Shurahbil Bin Sa'ad.
- Al-Zuhri.
- Al-Madaini.
- Awwanah Bin Hakam Al-Kalbi.






**"The Quranic view of history is instructive rather than informative, which means its emphasis not historical events but on lessons and consequences."**

**(Al-Dhami;Sarjana Islam)**

Berdasarkan pendapat di atas, falsafah dan konsep-konsep baru sejarah dalam pensejarahan telah meletakkan disiplin ini penting dalam dunia Islam. Kedatangan Islam telah mengubah persepsi yang lebih meluas terhadap dunia pensejarahan Islam. Salah satunya adalah berkaitan konsep moral.





# Apakah itu konsep moral?

Ayuh lihat sebelah..

# Konsep Moral



Dalam Islam, moral merujuk kepada Akhlaq. Akhlaq berasal dari kalimah bahasa Arab yang kata akarnya khuluq bermaksud perangai atau tingkahlaku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama.

Namun menurut konsep moral yang telah diperkenalkan dalam Al-Quran iaitu amat signifikan dengan disiplin sejarah misalnya konsep nabal (perisytiharan sesuatu yang terselindung), hadith (berita), dhizkr (peringatan), qasas (penceritaan) dan ibrah (pengajaran). Kedatangan al-Qur'an dan kemunculan hadith ini telah membawa era baru dalam historigrafi Arab khususnya, dan pensejarahan dunia Islam amnya.



# Ibrah

- Kata ibrah (عِبْرَة) berasal dari `abara – ya`buru – `abratan wa `ibratan yang pada asalnya berarti menyeberang dari satu tepi sungai ke tepi yang lain yang ada di seberangnya. Karenanya, sampan penyeberang dalam bahasa Arab disebut `abbârah.
- Ibrah dalam konsep moral dalam dunia persejarahan arab adalah bermaksud pengajaran atau mengambil iktibar daripada peristiwa yang telah berlaku.
- Di dalam Al-Quran banyak menceritakan kisah-kisah ibrah (pengajaran) bagi kehidupan manusia.
- Hal ini kerana al-Quran adalah sebuah rakaman yang benar tentang hubungan dan pengabadian manusia dengan tuhannya.



# sambungan...

- Dalam Muqaddimah, Ibn Khaldun, menyatakan bahawa bagi beliau sejarah adalah ilmu yang hidup dan amat mustahak bagi manusia mendapat pengajaran. Beliau merupakan antara yang terawal mengemukakan konsep "al-'ibar" (berasaskan konsep al-ibrah dalam al-Quran), iaitu sejarah adalah tauladan bagi generasi kemudian. Bangsa yang tidak menghargal sejarahnya adalah bangsa yang bakal dihukum oleh sejarahnya sendiri.
- Jadi konsep moral yang diperkenalkan dalam al-Quran ini mengajar manusia untuk mengambil pengajaran daripada peristiwa yang telah berlaku agar lebih berdisiplin dan tidak mengulangi kesilapan yang sama seperti kisah di dalam al-Quran iaitu "kisah si kaya dan si miskin (pemilik dua kebun: surah al kahfi ayat 32-44)". Dalam kisah ini Allah telah memberikan pengajaran kepada manusia untuk sentiasa bersyukur dengan nikmat yang diberi dan tidak sompong ketika Allah memberikan sesuatu kerana ianya mungkin ujian untuk menguji keimanan dan ketaqwaan seseorang.



# Qasas

- Definisi yang diberikan oleh para ahli bahasa berhubung perkataan al-qasas ini sangat banyak dan pelbagai. Antaranya definisi yang diberikan oleh al-Layth dan al-Azhari ialah Al-Qasas atau kisah-kisah merupakan kata terbitan daripada kata kerja (قصص - يقص). Menurut al-Layth, al-qassu dari segi bahasa ialah (الأشر تبع) ertinya mengikuti jejak. Oleh itu, jika dikatakan (ق الر فثر الر قصصا ق الر خر) bermaksud si fulan mengikuti jejak si fulan iaitu mengikuti jejak sahabatnya. Ia juga boleh diertikan sebagai memberitakan tentang satu berita kepada orang lain. (Ibn Manzur, 1997 & al-Asfahani, 1961)
- Qasas al-Quran ialah kisah atau cerita atau pemberitahuan al-Quran berhubung umat dahulukala, kisah para nabi, dan peristiwa-peristiwa terdahulu menerusi kaedah yang tersendiri
- Jadi Konsep moral yang diperkenalkan oleh al-Quran iaitu qasas yang membawa maksud penceritaan mengenai kisah-kisah nabi, umat terdahulu dan peristiwa-peristiwa terdahulu yang mempunyai kebenaran yang jelas tercatat di dalam al-Quran dan merupakan bukti dari Allah dan Nabi yang hak dan tiada keraguan padanya.
- Ini membuktikan bahawa konsep moral Qasas itu menjelaskan pentingnya ketepatan dalam kerja sejarah.

# Dhizkr



- Dhizkr itu membawa maksud peringatan kerana ia merupakan gabungan dari huruf dan suara, berbeza dengan kalamullah secara umum.
- Adz-Dzikr (الذك) bermaksud peringatan dibuktikan berdasarkan firman Allah: Sesungguhnya Kamilah Yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah Yang memelihara dan menjaganya. (surah al-Hijr 15:9).
- Allah SWT telah menjanjikan bahawa sesiapa yang mengingkari ajaran Allah akan menerima balasan yang setimpal dalam kehidupan ini. Hal ini kerana petunjuk dan ajaran selain daripada ajaran Allah SWT mempunyai kekurangan dan keterbatasan. Allah telah berfirman perkara ini dalam surah Taha, ayat 20 yang bermaksud: “Dan sesiapa yang berpaling ingkar daripada ingatan dan petunjuk-Ku, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpukkan Dia pada hari kiamat dalam keadaan buta.”
- Jadi konsep moral yang telah diperkenalkan dalam al-Quran ini menegaskan konsep Dhizkr iaitu membawa maksud peringatan bertujuan untuk menjadikan seseorang itu jujur kerana setiap perkara yang dilakukan akan ada balasannya.


# Penelitian terhadap konsep..

Mencemarkan  
objektiviti dalam  
sejarah atau tidak?





Tidak mencemarkan kerana  
konsep tersebut terdapat di  
dalam Al-Quran yang agung.



Ayuh lihat huraian  
lebih lanjut.





# Isi 1: FALSAFAH SEJARAH

- Sebenarnya, konsep-konsep moral seperti '*ibrah*, *qaşaş* dan *dhizkr* yang diperkenalkan oleh Al-Quran ini telah membawa era baru khususnya dalam historiografi Arab dan pensejarahan dunia Islam.
- Buktinya, ahli sejarah Islam menerima Al-Qur'an dan hadith sebagai sumber utama historiografi kerana Al-Qur'an merupakan sebuah rakaman yang benar tentang hubungan dan pengabdian antara manusia dan tuhannya.
- Al-Qur'an ini juga berkait secara langsung dengan wahyu, sejarah dan komunikasi antara manusia dengan tuhannya melalui para nabi dan rasul. Misalnya, menurut Rosenthal "*Muslim historiography originated with Muhammad and the Qur'an*".
- Al-Quran juga telah membawa satu falsafah dan konsep baru tentang sejarah manusia termasuklah dari segi permulaan sejarah itu sendiri.
- Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Islam, sejarah bermula sejak sebelum manusia dilahirkan lagi iaitu sejak di alam ruh yang kemudiannya dipertanggungjawabkan dalam segala perbuatan mereka iaitu dalam hal agama (*din*) dan penyerahan yang sepenuhnya (*al-Islam*).

Add your  
idea here

Add your  
idea here

Add your  
idea here

# Isi 1: FALSAFAH SEJARAH

- Kedatangan Islam telah membawa idea bahawa sejarah kehidupan manusia itu adalah untuk mengingati semula perhubungan dan perjanjian mereka dengan tuhan kerana sikap manusia yang mudah lupa (*nasiya*) terhadap perjanjian mereka dengan tuhan dan sering melakukan kezaliman (*zulm*) serta kebodohan (*jahl*) terhadap diri sendiri.
- Tambahan pula, Islam juga telah membawa konsep dan falsafah baru iaitu pengaruh kandungan al-Qur'an mengenai kepelbagaian cerita sejarah dan hubungannya dengan kehidupan manusia kuno (*qurun*), konsep manusia (*umam*), periodisasi dalam sejarah (misalnya antara zaman pra Islam dan Islam) serta perincian tentang sejarah nabi-nabi (*rusul*).
- Malahan, kedatangan Islam telah mengubah persepsi bahawa sejarah itu tidak lebih daripada kisah-kisah kabilah yang tidak mempunyai nilai ilmu yang tinggi dalam kehidupan dan tamadun manusia.
- Tegasnya, konsep-konsep baru yang diperkenalkan Al-Quran ini telah memberi pengaruh yang besar terhadap disiplin, kedudukan dan kepentingan ilmu sejarah sekaligus membawa kepada perkembangan historiografi umat Islam yang lebih meluas dan komprehensif

Add your  
idea here

Add your  
idea here

Add your  
idea here

## Isi 2: METODOLOGI

- Konsep-konsep yang diperkenalkan oleh al-quran jelas sekali tidak mencemarkan prinsip-prinsip objektiviti dalam karya sejarah malah al-quran itu sendiri telah membawa kepada satu pengenalan metodologi sejarah yang boleh dianggap sebagai moden dan saintifik.
- Turunnya al-quran ini telah memberi satu kaedah baharu terhadap tafsiran peristiwa atau sumber sejarah iaitu melalui kaedah ""Ulūm al-Tafsīr" atau juga dikenali sebagai "Uṣūl al-Tafsīr".
- Menurut Ibn Taimiyyah dalam karyanya, Muqaddimah fi Uṣūl al-Tafsīr, beliau telah menyatakan,

"Sebahagian daripada sahabat-sahabatku meminta supaya aku menulis suatu pengenalan yang mengandungi kaedah-kaedah kuli bagi membantu mereka memahami al-Qur'an, mengetahui penafsirannya dan maknanya, serta membezakan di antara yang hak dan batil terhadap penafsiran-penafsiran sama ada yang bersumberkan riwayat-riwayat mahupun akal, dan juga memberikan peringatan kepada mereka berkaitan kata pemutus di antara pandangan-pandangan yang berbeza (Ibn Taimiyyah, 1997: 15)".

## Isi 2: METODOLOGI

- Berdasarkan pernyataan di sebelah, beliau menjelaskan tiga tujuan dan matlamat dalam kaedah ini iaitu:
  - Untuk membantu para pentafsir memahami al-quran dengan baik
  - Dapat membezakan penafsiran yang benar dan penafsiran yang salah, sama ada penafsiran tersebut adalah penafsiran yang bersumberkan Tafsīr bi alRa'yī dan Tafsīr bi al-Ma'thūr,
  - Menerangkan kepada para pentafsir bagaimana mencari kata pemutus apabila berhadapan dengan pandangan-pandangan yang pelbagai dalam penafsiran al-Qur'an.
- Dalam konteks Uṣūl al-Tafsīr ini turut merangkumi asas-asas dan kaedah-kaedah dalam menafsirkan al-Qur'an iaitu merujuk kepada dasar dan sandaran yang seharusnya diteliti oleh seseorang pentafsir sebelum memulakan penafsiran. Di samping itu, ianya juga sebagai peraturan dan tatacara yang harus dijadikan panduan ketika memulakan aktiviti penafsiran al-Qur'an.
- Seterusnya, kepelbagaian metodologi yang digunakan dalam tafsir al-quran ini misalnya kaedah al-mawdu'iy (tematik), kaedah al-tahlily (analisis), ijmalī (global) dan muqaran (perbandingan) ini telah memperluaskan lagi skop pengkajian mengenai al-quran dan ilmu-ilmu lain.
- Oleh itu, dengan adanya kaedah-kaedah yang digunakan dalam ilmu tafsir ini, maka ianya juga turut boleh diaplikasikan dalam bidang sejarah terutamanya melibatkan pentafsiran peristiwa-peristiwa sejarah. Jadi, perkara ini tidak mengganggu prinsip objektiviti dalam karya sejarah.

# Isi 3: KANDUNGAN SEJARAH



- Sebelum kedatangan islam, sukar untuk para pengkaji bagi menemui penulisan sejarah yang sistematik dalam kalangan penduduk di semenanjung Arab.
- Tidak wujud sumber-sumber bertulis tentang sejarah masyarakat arab.
- Masyarakat arab bergantung kepada tradisi lisan dalam merakamkan peristiwa sejarah mereka. Peristiwa yang terkenal pada ketika itu ialah perang antara kabilah (Al-Ayyam).
- Sejarah lisan termasuklah kisah harian seperti Al-Kulab, Al-Dalis, Al-Basus dan Halima . Kisah lisan tersebut merupakan kisah sejarah konflik yang dialami oleh kabilah-kabilah yang hidup di kawasan padang pasir.
- Cerita-cerita tersebut telah diceritakan secara lisan turun-temurun sebagai hiburan di samping mengetengahkan kebanggaan sesuatu kabilah.
- Puisi-puisi juga terkenal pada ketika itu. Puisi-puisi tersebut merupakan sumber penting dalam menggalurkan sejarah islam masyarakat Arab pra islam.
- Puisi-puisi tersebut hadir dalam pelbagai bentuk seperti Shir'(syair), qasidah, saj (prosa berirama, dan ghazal (puisi cinta).

Add your  
idea here

Add your  
idea here

Add your  
idea here

# Isi 3: KANDUNGAN SEJARAH

- Puisi-puisi ini disifatkan sebagai memori kolektif yang merakamkan sejarah dan budaya hidup komuniti Badwi.
- Hal ini menunjukkan bahawa kandungan sejarah masyarakat Arab jahiliyah sebelum kedatangan islam tidak boleh dikatakan objektif kerana kandungan sejarah tersebut hanya mengisahkan perkara-perkara yang tidak penting dan lalai seperti kisah sehari-hari mereka dan kisah cinta.
- Namun begitu, setelah kedatangan islam kandungan sejarah menjadi lebih objektif.
- Hal ini dikatakan demikian kerana islam telah berjaya mengubah persepsi manusia terhadap disiplin sejarah kerana sejarah dalam islam bukan sahaja tentang kisah silam manusia tetapi perkara yang lebih penting iaitu sejarah sebagai panduan kepada peraturan hidup, pembinaan tamadun manusia, satu peringatan, satu arahan, pelajaran dan turut menekankan refleksi manusia terhadap peristiwa lalu sebagai satu pengalaman moral.
- Hal ini ditegaskan oleh para sarjana islam seperti al-Dhami yang menyatakan bahawa "*the Qur'anic view of history is instructive rather than informative which means its emphasis not on historical events but on lessons and consequences*"
- Jadi, jelaslah bahawa konsep-konsep moral tersebut tidak mencemarkan prinsip objektiviti dalam sejarah kerana konsep-konsep tersebut terdapat dalam Al-Quran yang merupakan satu sumber yang sahih dan objektif.

# Isi 4: GENRE SEJARAH

## Zaman Pra Islam

- Masyarakat pada zaman Arab Jahilliah lebih menfokuskan kepada hedonisme.
- Perkataan hedonisme diertikan sebagai suatu pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup semata-mata. (Kamus Dewan, 2010)
- Masyarakat Arab Jahiliyah pada zaman pra Islam amat memberi tumpuan kepada penghasilan karya puisi
- Terdapat tradisi puisi yang sangat terkenal sejak kurun ke 5 Masehi yang kemudian menjadi sumber penting dalam menggalurkan sejarah masyarakat Arab pra Islam.
- Puisi-puisi ini terdapat dalam pelbagai bentuk misalnya yang berbentuk shi'r (syair), qasidah, hija (satira), saj' (prosa berirama) dan ghazal (puisi cinta).
- Puisi tersebut lebih merakamkan sejarah dan budaya hidup komuniti seperti keluarga, keturunan ataupun kisah-kisah kabilah yang tidak mempunyai nilai ilmu yang tinggi.

# Isi 4: GENRE SEJARAH

## Zaman Awal Islam

- Kedatangan Islam kemudiannya telah membawa perubahan terhadap tradisi historiografi masyarakat Arab.
- Hal ini kerana al-Quran telah memperkenalkan konsep-konsep moral yang amat signifikan dengan disiplin sejarah seperti konsep nabal (pengisytiharaan sesuatu yang terlindung), hadith (berita), dhikr (peringatan), qassa (penceritaan) dan ibrah (pengajaran).
- Misalnya ibrah (dalam surah al-hasyr) yang mengandungi kisah-kisah sejarah seperti Perang Bani Nadhir yang merupakan perang antara kaum muslimin dan kaum Yahudi di Madinah.
- Kisah ini dapat memberi pengajaran dan iktibar agar semua umat Islam tidak bertindak mengikuti jalan orang-orang yang cuba menjatuhkan maruah dan kepercayaan.
- Contoh, al-Qasas dalam al-Quran mempunyai 3 kategori utama yang dapat membentuk nilai dalam kehidupan insan melalui suruhan atau larangan, antaranya :
  - a. Kisah hidup para nabi [kisah dakwah Nabi AS kepada kaumnya dalam surah al-A'raf (7):7]
  - b. Kisah umat dahulu kala [penghuni gua dalam surah al-Kahfi (18):10]
  - c. Peristiwa yang berlaku ketika hayat baginda SAW [peristiwa hijrah (Ali 'Imran(3):195]

## Isi 4: GENRE SEJARAH

## Sambungan.....

- Antara genre terawal yang dihasil pada zaman Madinah ialah genre sirah dan maghazi.
- Genre Sirah membawa maksud jalan hidup yang merujuk khusus kepada biografi Rasulullah SAW manakala genre Maghazi berasal daripada istilah ghazawit yang bererti pertempuran. Kedua-dua genre ini menggambarkan peristiwa dalam petempuran dan peperangan.
- Perkembangan dua genre ini semakin meluas apabila muncul pelbagai parti dan konflik politik, ketegangan dalam isu perebutan dan peralihan kuasa, perkembangan wilayah Islam, eksplorasi, perang dan sistem percukaian serta penubuhan badan pentadbiran yang akhirnya menjadi sumber penting dalam memperkayakan sumber historiografi Islam.
- Jelaslah bahawa konsep moral baharu ini menjadikan disiplin sejarah penting dalam dunia Islam kerana dapat mengubah persepsi manusia bahawa sejarah bukan sahaja mengisahkan tentang manusia silam ataupun kisah-kisah kabilah yang tidak mempunyai nilai ilmu tetapi sebagai panduan, peringatan, pelajaran dan pengalaman moral dalam pembinaan sesebuah tamadun Islam.

# Isi 5: SKOP SEJARAH

- Al-Quran telah melangkui sejarah tentang hubungan antara manusia dan Allah S.W.T  
**(Konsep Baru)**
- Al-quran juga turut merekodkan permulaan hubungan manusia dan tuhannya.
- Disampaikan melalui surah-surah yang berbentuk ibrah.
- Menurut Khalidi, "*for the relationship between man and God based on a historical record, a register of deeds and misdeeds which need to be impressed upon memory*"
- Al-Qur'an merupakan sebuah karya sejarah yang menceritakan tentang ikrar manusia dalam perjanjian agung dengan tuhan (*primordial covenant/al-mithaq*) sejak di alam roh.
- Dibuktikan dalam Surah al-Aroh: ayat 172 perjanjian Allah SWT dengan manusia.
- Terdapat juga kisah-kisah antara hubungan manusia dan manusia seperti kisah-kisah para nabi dan rasul.
- Jadi, tegasnya di sini bahawa melalui skop peristiwa dan kisah sejarah sebenar yang ditulis dalam sesuatu penulisan sejarah itu tidak akan mengganggu prinsip objektiviti dalam karya sejarah berkenaan.

# Rumusan

- Kesimpulannya, kami memang tidak bersetuju dengan pernyataan konsep-konsep baharu seperti ‘ibrah, qasaṣ dan dhizkr ini mencemarkan prinsip objektiviti dalam karya sejarah.
- Hal ini berikutan kerana konsep-konsep ini terdapat di dalam al-Quran yang merupakan sumber yang kita tidak dapat menafikan kesahihannya terutamanya daripada perspektif pandangan Islam.
- Dalam membincangkan sesuatu peristiwa sejarah, kebanyakan tokoh sarjana Islam tidak melihat kepada aspek zahir atau penceritaan kisah-kisah atau sesuatu peristiwa semata-mata tetapi turut melihat kepada aspek dalamannya yang mempunyai makna yang tersirat berupa tafsiran ilmiah yang tinggi nilainya.
- Secara umumnya, pemahaman sejarah dalam Islam adalah bersifat moralistik kerana ketetapan dan suruhan llahi dengan penegasanNya mengenai baik buruk bagi tujuan penghayatan. Kejayaan dan kegagalan mematuhinya mempunyai implikasinya iaitu sebahagian daripadanya berbentuk manifestasi yang nyata dalam sejarah.



# RUJUKAN

- A. Halil Thahir dan Ahmad Mughni Khoiruddin, 'Pesan Moral Dibalik Kisah Nabi Musa Dan Nabi Khidir Dalam Qs. Al-Kahfi', *Studi Al-Qur'an dan Tafsir*, 4:2 (2020), 230-246.
- Kamus Dewan. *Definisi Moral*. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).
- Kharulnisa Ismail, 'Kepentingan al-Qasas dalam al-Quran, e-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020', *THIQAH*, 86:9 (2020), 191-201.
- Khurshid Ahmad Farid, *History of Arabic Literature* (Delhi: Vikas Publications, 1972).
- Muhammad Hasrul Bin Zakariah, *Sejarah Perkembangan Historiografi Islam " Klasik dari Kurun ke-7 Masehi sehingga Kurun ke-19 Masehi: Satu Penelitian dari Aspek Genre, Metodologi dan Sumber* (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2018).
- Mahayudin Haji Yahaya, *Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahannya* (Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd, 1984).
- M. Fethullah Gulen, *Essentials of the Islamic Faith* (Kuala Lumpur: Saba' Islamic, 2004).
- Muhd Yusuf Ibrahim dan Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarawan dan Pensejarahan: Ketokohan dan Karya* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988).
- Muhsin Mahdi, *Ibn Khaldun's Philosophy of History: A Study in the Philosophic Foundation of the Science of Culture* (Kuala Lumpur: The Other Press, 2006).
- Nurul Hudani MD Nawi dan Baharudin Othman, 'Konsep Moral Dalam Perpektif Islam dan Barat', *Al-Hikmah*, 10: 2 (2018), 3-16.
- Reynold, Nicholson A., *A Literary History of The Arabs* (Cambridge: Cambridge University Press, 1969).
- Salah al-Khalidi, *Al-Qasas al-Qur'aniy 'Ardu Waqa'i'a wa Tahlili Ahdath* (Damsyiq: Dar Al-Qalam, 1998).



Sekian, terima kasih.

Moga diberkati ilmu ini.

